

Mencegah salah guna dadah bermula dari rumah

BERITA HARIAN 30/6/2022 Page 13

Fatimah Maludin
Pertubuhan
IKRAM Malaysia

Setiap tahun bilangan penagih baharu kian bertambah, sedangkan yang sedia menagih tidak pula berkurangan atau sembuh. Walaupun hal ini tidak disenangi, setiap kita berperanan dalam usaha membantu memulih dan menyelamatkan mereka.

Ketagihan dadah jika tidak dibendung menyakiskan negara berhadapan kerugian tenaga manusia, terutama belia.

Justeru, selain ahli masyarakat, pertubuhan bukan kerajaan juga amat diperlukan dalam membantu kerajaan menangani senario itu.

Antara 2016 hingga 2020, bilangan penagih dadah yang dikesan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) mengikut kaum adalah seperti berikut iaitu Melayu 102,513; Cina (8,047); India (8,615); Peribumi Sabah (5,218); Peribumi Sarawak (1,058) dan kaum lain, iaitu Punjabi, Siam, Serani serta Orang Asli (939).

Berdasarkan laporan AADK, ketagihan itu berlaku disebabkan beberapa faktor utama, antaranya pengaruh rakan, perasaan ingin tahu, keseronokan

dan tekanan jiwa hingga membuatkan mereka mudah terjebak masalah berkenaan.

Data daripada ADDK juga merekodkan 58 peratus atau 178 penempatan projek perumahan rakyat dan perumahan awam di seluruh Kuala Lumpur dikenal pasti sebagai zon merah atau lokasi paling berisiko tinggi penagihan dadah dan memabitkan ramai remaja bawah 18 tahun.

Berdasarkan program yang dilakukan IKRAM di kawasan perumahan awam sekitar Kuala Lumpur dan Setiawangsa, maklum balas daripada pemimpin masyarakat setempat dan ibu bapa cukup positif.

Rata-rata ibu bapa bersetuju dengan hakikat bahawa masalah sosial yang membawa kepada masalah dadah sekarang berada pada tahap sangat serius. Satu daripada sebabnya, kesibukan ibu bapa bekerja membuatkan anak kurang mendapat perhatian dan pengawasan.

Justeru, ibu bapa perlu mengambil langkah pencegahan berkesan bermula dengan mengenal pasti pemilihan rakan sebaya anak dan mengambil ini-

siatif untuk mengenali rakan sebaya anak. Aktiviti mereka di luar rumah juga mestilah dipantau dari semasa ke semasa.

Kita amat yakin dan percaya, kaedah terbaik bagi menangani masalah ini adalah langkah pencegahan, bermula daripada unit kecil yang amat penting dalam masyarakat iaitu keluarga.

Peranan ibu bapa amat penting untuk memastikan anak dan ahli keluarga bebas dadah kerana pencegahan awal bermula dari rumah.

Keluarga utuh idaman semua perlu dipastikan pembinaannya kerana ia adalah kekuatan negara. Tanggungjawab setiap Keluarga Malaysia dalam membanteras penyalahgunaan dadah amat penting kerana entiti itu adalah ejen utama dalam menjayakan misi dadah terkawal dalam negara.

Masyarakat perlu mengelak daripada bersikap 'sindrom bukan saya' (not me syndrome) sebaliknya bersama memainkan peranan dalam mengamalkan tindakan dan menjadi barisan hadapan menangani isu dadah dalam keluarga serta komuniti masing-masing.